

# 2010

Laporan Tahunan



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity



**MEMBANGUN  
UNIVERSITI  
BAGI  
KEUNGGULAN  
LESTARI**



MS ISO 9001:2008 CERT. NO. A818411  
MSC  
NIOSH CERTIFICATION  
No. No. 920710  
Status Institution: OHSAS 18001:2007 Certified

PENGURUSAN &  
PEMBANGUNAN  
AKADEMIK



## PENGURUSAN & PEMBANGUNAN AKADEMIK



merupakan satu inisiatif bagi menghargai jasa ahli akademik yang telah menonjolkan kecemerlangan dan kreativiti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Ia juga sebagai satu penghargaan oleh Universiti kepada ahli akademik yang telah menunjukkan usaha dan komitmen dalam membentuk pelajar menjadi lebih cemerlang dan bersifat holistik. Seramai dua orang ahli akademik telah menerima anugerah ini iaitu Profesor Madya Ir. Adnan bin Zulkepli dari Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) bagi kategori Kejuruteraan manakala bagi kategori Sastera dan Sains Sosial pula telah disandang oleh Munira binti Abdul Razak daripada Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK).

diteruskan untuk UMP membangunkan beberapa program sarjana secara kerja kursus. Lebih membanggakan lagi, keseluruhan program prasiswazah UMP telah ditambahbaik dan diperkukuhkan melalui proses semakan kurikulum di mana 100 peratus program telah mendapat kelulusan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengikut keperluan yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM/MQF). Kejayaan ini turut terukir menerusi peningkatan daya saing dengan memberikan nilai tambah kepada program akademik sedia ada apabila mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh pihak Washington Accord menerusi *Engineering Accreditation Council (EAC)* terhadap 13 program kejuruteraan yang merupakan nadi dalam memastikan program akademik UMP sentiasa relevan dan diiktiraf oleh badan akreditasi samada di dalam dan luar negara.

**P**engurusan dan pembangunan akademik sepanjang tahun 2010 dilihat telah melalui satu anjakan paradigma yang signifikan dengan memberi penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti. Ianya boleh dilihat melalui pemerkasaan program kerjasama antarabangsa, inovasi program akademik dan penghargaan kepada ahli akademik. Melalui penstrukturan semula Pusat Pembangunan & Jaminan Kualiti Akademik (CAQADE), pusat ini telah diberi nafas baharu dengan pertukaran nama kepada Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) dalam rangka untuk mewujudkan satu pelantar mengumpul beberapa amalan terbaik dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di samping turut memberi penumpuan kepada aspek inovasi akademik, jaminan kualiti, infrastruktur akademik dan sebagainya.

Tahun 2010 menyaksikan buat pertama kali pihak Universiti mewujudkan Anugerah Pensyarah Cemerlang yang

Dalam pada itu, pembangunan akademik Universiti mengorak langkah lebih dinamik apabila penawaran program kejuruteraan secara dwi ijazah bagi program Kejuruteraan Mekatronik yang dilaksanakan menerusi jaringan kerjasama bersama Hochschule Karlsruhe Technic und Wirtschaft (HsKA), University of Applied Sciences di Karlsruhe Jerman. Melalui penawaran program ini ianya telah meletakkan UMP sebagai Universiti Pertama yang menjalankan program seumpamanya. Di samping itu juga, UMP juga buat pertama kalinya telah mendapat kelulusan untuk menawarkan program Sarjana Kejuruteraan Kimia dengan Keusahawan iaitu secara kerja kursus berbanding beberapa program pengajian siswazah sebelum ini adalah secara mod penyelidikan. Usaha ini masih

### Pengurusan Akademik

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) memperkukuhkan lagi peranannya sebagai pengerak utama dalam pengurusan, perancangan, pelaksanaan, kawalan serta penyeliaan bagi hal ehwal akademik di peringkat prasiswazah. Begitu juga dengan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) yang menjadi pemangkin kepada segala perancangan, pelaksanaan dan kawalan terhadap hal ehwal akademik pengajian siswazah. BPA dan PPS memainkan peranan utama dalam setiap urusan berkaitan dengan hubungan akademik, pengambilan dan kemasukan pelajar, pendaftaran pelajar, pendaftaran kursus, rekod pelajar, peperiksaan dan penganugerahan, promosi, konvokesyen, senat dan sebagainya.



### Penawaran Program Akademik

Bagi tahun 2010, sejumlah 59 program akademik ditawarkan di peringkat prasiswazah dan pengajian siswazah. Sejumlah 27 program peringkat prasiswazah ditawarkan oleh UMP masing-masing 21 program di peringkat Sarjana Muda dan lima program di peringkat diploma. Manakala sejumlah 32 program pula ditawarkan di peringkat pengajian siswazah dengan 18 program di peringkat Ijazah Sarjana dan 14 program di peringkat Ijazah Kedoktoran. Penawaran program ini ditawarkan oleh tujuh fakulti. Berikut adalah senarai fakulti dan program yang ditawarkan pada Sesi Akademik 2010/2011 seperti berikut:

Jadual 9: Senarai Fakulti dan Program Yang Ditawarkan Pada Sesi Akademik 2010/2011

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Awam</li> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Dengan Persekitaran</li> <li>Diploma Kejuruteraan Awam</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Doktor Falsafah (Awam)</li> <li>Doktor Falsafah (Pembinaan)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Awam)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Pembinaan)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)</li> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)</li> <li>Diploma Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Industri)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Doktor Falsafah (Elektrik)</li> <li>Doktor Falsafah (Elektronik)</li> <li>Doktor Falsafah (Instrumentasi)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Elektrik)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Elektronik)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Instrumentasi)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia</li> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi)</li> <li>Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas)</li> <li>Diploma Kejuruteraan Kimia (Loji Proses)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Doktor Falsafah (Bio-Proses)</li> <li>Doktor Falsafah (Kimia)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Bio-Proses)</li> <li>Sarjana Kejuruteraan (Kimia)</li> </ul>

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN	
	PRASISWAZAH	PENGAJIAN SISWAZAH
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal</li> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Industri</li> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif</li> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Biomekanikal</li> <li>• Diploma Kejuruteraan Mekanikal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor Falsafah (Automotif)</li> <li>• Doktor Falsafah (Mekanikal)</li> <li>• Sarjana Kejuruteraan (Automotif)</li> <li>• Sarjana Kejuruteraan (Mekanikal)</li> </ul>
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan</li> <li>• Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik</li> <li>• Sarjana Muda Keselamatan &amp; Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dengan Kepujian</li> <li>• Sarjana Muda Pengurusan Projek Dengan Kepujian</li> <li>•</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor Falsafah (Pembuatan)</li> <li>• Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi)</li> <li>• Sarjana Kejuruteraan (Pembuatan)</li> <li>• Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Projek )</li> <li>• Sarjana Pengurusan Teknologi (Keselamatan &amp; Kesihatan Industri)</li> <li>• Sarjana Pengurusan Teknologi (Pengurusan Operasi)</li> <li>• Sarjana Pengurusan Teknologi (Sumber Kapital Manusia)</li> <li>• Sarjana Pengurusan Teknologi (Tekno-Keusahawanan)</li> </ul>
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)</li> <li>• Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer &amp; Rangkaian)</li> <li>• Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Grafik &amp; Multimedia)</li> <li>• Diploma Sains Komputer</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor Falsafah (Sains Komputer)</li> <li>• Sarjana Sains (Komputer)</li> <li>• Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)</li> </ul>
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri</li> <li>• Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Bioteknologi Industri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Doktor Falsafah (Bioteknologi)</li> <li>• Doktor Falsafah (Kimia Industri)</li> <li>• Doktor Falsafah (Bahan Termaju)</li> <li>• Sarjana Sains (Bioteknologi)</li> <li>• Sarjana Sains (Kimia Industri)</li> <li>• Sarjana Sains (Bahan Termaju)</li> </ul>


## POPULASI PELAJAR

Bilangan pelajar mengikut fakulti yang mengikuti semua peringkat pengajian sama ada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Kedoktoran bagi Sesi Akademik 2010/2011 adalah seperti berikut:

Jadual 10: Bilangan Pelajar Mengikut Fakulti Yang Mengikuti Semua Peringkat Pengajian Bagi Sesi Akademik 2010/2011

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	PhD.
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	122	860	11	12
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	121	789	5	3
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	99	999	48	6
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	104	914	10	2
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	-	751	6	4
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	130	636	22	24
Fakulti Sains & Teknologi Industri	-	345	26	-
<b>JUMLAH</b>	<b>576</b>	<b>5294</b>	<b>128</b>	<b>51</b>

Carta 11: Populasi Pelajar Bagi Semua Peringkat Pengajian



Jadual berikut pula menunjukkan bilangan pelajar baharu yang mendaftar pada sesi akademik 2010/2011 bagi semua peringkat pengajian adalah seperti berikut:

Jadual 11: Bilangan Pelajar Baharu Yang Mendaftar Pada Sesi Akademik 2010/2011 Bagi Semua Peringkat Pengajian

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	PhD.
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam	28	269	4	2
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	23	234	3	5
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli	34	289	13	14
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	30	213	9	5
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi	-	335	8	10
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian	46	239	2	1
Fakulti Sains & Teknologi Industri	-	188	-	6
<b>JUMLAH</b>	<b>161</b>	<b>1,767</b>	<b>39</b>	<b>43</b>

Di peringkat pengajian siswazah, jumlah keseluruhan kemasukan pelajar baharu adalah seramai 82 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 78 orang pelajar mengikuti pengajian secara sepenuh masa manakala empat pelajar lagi mengikuti pengajian secara separuh masa. Jadual 12 berikut menunjukkan bilangan pelajar tempatan dan antarabangsa yang telah diterima masuk mengikuti pengajian di UMP pada tahun 2010.

Jadual 12: Bilangan Pelajar Tempatan dan Antarabangsa Yang Diterima Masuk Mengikuti Pengajian Di UMP Pada Tahun 2010

PELAJAR	SEPENUH MASA	SEPARUH MASA	SARJANA	PhD
Tempatan	40	4	24	20
Antarabangsa	38	-	15	23
Jumlah	78	4	39	43
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>82</b>		<b>82</b>	


Jadual 13: Bilangan Kemasukan Pelajar Siswazah Tahun 2010

PROGRAM PENGAJIAN	SEPARUH MASA	SEPENUH MASA
Sarjana Kejuruteraan	-	16
Sarjana Sains	-	2
Sarjana Pengurusan Teknologi	1	6
Doktor Falsafah	-	20
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>44</b>
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>45</b>	

Jadual 14: Jumlah Pelajar Siswazah UMP Sehingga Disember 2010

BIL.	NEGARA	BILANGAN
1.	China	4
2.	Indonesia	5
3.	Pakistan	6
4.	Iraq	4
5.	Bangladesh	4
6.	Sudan	1
7.	Uzbekistan	1
8.	Libya	3
<b>JUMLAH</b>		<b>28</b>

Carta 12: Taburan Pelajar Antarabangsa Mengikut Negara Yang Telah Mendaftar Pada Tahun 2010



Pada tahun 2010, Majlis Konvokesyen Ke-5 UMP telah diadakan pada 9 Oktober 2010. Majlis Konvokesyen Ke-5 pada kali ini amat bermakna kerana Universiti telah melahirkan seorang graduan sulung Ijazah Kedoktoran iaitu Dr. Mohd. Ghani bin Awang (FKPPT). Jadual 15 di bawah menunjukkan bilangan pelajar yang telah menamatkan pengajian adalah seperti berikut:

Jadual 15: Bilangan Pelajar Yang Menamatkan Pengajian Pada Tahun 2010

FAKULTI	PRASISWAZAH		PENGAJIAN SISWAZAH	
	DIPLOMA	SARJANA MUDA	SARJANA	PhD.
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA)	34	134	-	-
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)	42	201	1	-
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA)	37	191	6	-
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	32	221	-	-
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan & Pengurusan Teknologi (FKPPT)	24	-	-	1
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP)	27	79	-	-
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)			1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>196</b>	<b>826</b>	<b>8</b>	<b>1</b>



## Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang

**Y**AB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Adnan bin Yaakob telah dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada Majlis Konvokesyen Ke-5 yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan UMP pada 9 Oktober 2010 yang telah disempurnakan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Hajj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

Majlis Konvokesyen Ke-5 ini turut dihadiri Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan tertinggi, ahli akademik, staf dan sebahagian dari pelajar UMP. Selain itu, terdapat juga jempunan di kalangan pegawai kerajaan negeri daripada pelbagai agensi turut hadir pada majlis tersebut.

Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi Kepada YAB Dato' Sri Hj Adnan adalah sebagai penghargaan UMP terhadap jasa serta sumbangan beliau dalam bidang pengurusan teknologi di dalam merintis usaha pembangunan dan kemajuan negeri Pahang Darul Makmur.

Sebagai Menteri Besar Pahang yang ke-14, YAB Dato' Sri telah berusaha sedaya upaya untuk memajukan negeri Pahang dengan melaksanakan pelbagai strategi pengukuhan ekonomi yang meliputi pembangunan dari RMK-8, RMK-9 dan RMK-10. Program-program besar bagi menjana ekonomi Pahang antaranya melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Negeri (MTEN) dan Program



East Coast Economic Region (ECER). Manakala pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk rakyat Pahang serta sempadan negeri turut dilaksanakan.

Pembangunan infrastruktur yang pesat di negeri Pahang merupakan bukti kejayaan kepimpinan di bawah YAB Menteri Besar Dato' Sri Adnan Yaakob. Pengangkutan darat, udara serta air telah dapat menghubungkan di antara kampung dengan daerah, di antara daerah dengan mukim, di antara mukim dengan negeri dan di antara negeri dengan komuniti antarabangsa. Ia meliputi kemudahan infrastruktur yang disediakan melalui jalinan jalan raya, lapangan terbang, pelabuhan dan keretapi. Antara projek infrastruktur yang dirancang dan dilaksanakan adalah Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak dan Lebuhraya Pantai Timur (Fasa 1).

Kerajaan negeri Pahang di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Pahang dengan disokong oleh kerajaan pusat telah berjaya menyiapkan pelbagai projek termasuklah kawasan Taman Kekal Pengeluaran Zon Industri Akuakultur yang dilaksanakan menggunakan sistem teknologi terkini. Hal ini termasuk menggunakan genetik benih baka, kawalan suhu kolam serta sistem pemakanan yang terkawal bagi tujuan menggalakkan tumbesaran ternakan akuakultur dalam tempoh yang ditetapkan. Projek ini telah dilaksanakan di Nenasi, Pekan dan diterajui oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang.

Inilah antara sebahagian projek yang telah dirancang, dilaksana serta disiapkan di bawah kepimpinan YAB Dato' Sri Hj Adnan Yaakob selama bergelar sebagai YAB Menteri Besar.

### Pembangunan Akademik

Sejajar dengan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (CAIC) iaitu menjadi sebuah pusat yang dapat melaksanakan proses penjaminan kualiti akademik, pembangunan program baharu dan pembangunan staf akademik yang berinovasi dan berdaya saing di peringkat antarabangsa, maka pusat ini sentiasa memastikan staf akademik mempunyai tahap kualiti dan profesionalisme yang tinggi. Bagi memantapkan lagi pelaksanaan program profesionalisme staf akademik, bermula Ogos 2010 peranan ini turut disokong bersama Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK), Jabatan Pendaftar di mana CAIC menjadi pusat yang merangka modul program profesionalisme manakala BLPK bertindak sebagai pelaksananya. Justeru, sejumlah sepuluh kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2010 seperti berikut:

Jadual 16: Bilangan Kursus Yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2010

BIL.	NAMA AKTIVITI	TARIKH
1.	Kursus <i>Speed Reading &amp; Mind Mapping</i>	1-2 Mac 2010
2.	Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (P&P) –Siri 1	3 - 6 Mei 2010
3.	Kursus <i>Innovation In Education</i>	21 Mei 2010
4.	Bengkel Pelarasan Jadual Waktu	7 - 11 Jun 2010
5.	Kursus Perisian SPSS & Amos	16 - 17 Jun 2010
6.	Kursus Kaedah Penyelidikan (SLAB)	16 - 17 Jun 2010
7.	Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (P&P) – Siri 2	21 - 22 Jun 2010
8.	Kursus Penulisan Jurnal	29 Jun - 1 Julai 2010
9.	Bengkel Penyediaan & Pelarasan Jadual Waktu Kuliah	8 - 24 Disember 2010
10.	Kolokium Pengajaran & Pembelajaran (P&P) (FKKSA/ FKASA/PBMSK)	20 Disember 2010

Dalam pada itu, bagi memantapkan serta memastikan program yang ditawarkan oleh UMP diiktiraf oleh badan-badan profesional, maka UMP sentiasa memastikan agar program yang ditawarkan sentiasa relevan, terkini dan memenuhi keperluan badan pengiktirafan. Sebagai memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruh, semua program akademik prasiswazah UMP telah ditambah baik dan diperkukuhkan melalui proses semakan kurikulum berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh pihak Kerangka Kelayakan Malaysia, memastikan semua program kejuruteraan mendapat pengiktirafan antarabangsa oleh pihak Washington Accord melalui Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan sebagainya.

UMP juga sentiasa menggalakkan pensyarah menggunakan sekurang-kurangnya satu konsep model pengajaran berpusatkan pelajar (*Student Centered Learning*). Konsep pengajaran berbentuk SCL yang berkonsepkan *effective learning* mampu mewujudkan partisipasi hampir 90 peratus pelajar. Pelaksanaan ini boleh dicapai melalui pengalaman dan kefahaman pensyarah melalui pendekatan *Outcomed Based Education (OBE)* yang secara tidak langsung boleh meningkatkan keterampilan pelajar menjadi pilihan majikan.

Begitu juga, program penilaian akreditasi ke atas empat program kejuruteraan di bawah dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik oleh pihak Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) menerusi *Accreditation Engineering Council (EAC)* pada 5 dan 6 April 2010 dengan memperlihatkan komitmen Universiti untuk memastikan agar graduan yang dihasilkan kelak diterima bekerja dan program mereka diiktiraf. Berikut adalah program-program yang telah melalui proses akreditasi oleh pihak EAC:

Jadual 17: Bilangan Program Yang Telah melalui Proses Akreditasi Oleh EAC

PROGRAM YANG DINILAI	FAKULTI
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Automotif	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kejuruteraan Pembuatan	
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)	Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE)
Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan & Instrumentasi)	

Justeru, dalam memastikan program Universiti sentiasa berdaya saing, maka pelbagai usaha dilaksanakan ke arah pembangunan program-program yang lebih futuristik, berinovasi dan berdaya saing. Jadual di bawah menunjukkan beberapa perancangan untuk pembangunan akademik Universiti:

Jadual 18: Senarai Perancangan Untuk Pembangunan Akademik Universiti

PERANCANGAN	KETERANGAN
Program Baharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik dengan kerjasama HsKA, Jerman</li> <li>Ijazah Sarjana Muda Bio Farmaseutikal dengan kerjasama Tallaght, Ireland</li> <li>Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Matematik Industri)</li> <li>Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Makanan)</li> <li>Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan)</li> <li>Sarjana Sains (Rangkaian Komputer)</li> <li>Sarjana Sains (Kejuruteraan Perisian)</li> <li>Sarjana Sains (Teknologi Maklumat)</li> </ul>
Fakulti	Dalam usaha untuk menaiktaraf Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan menjadi sebuah fakulti penuh dengan nama Fakulti Bahasa & Sains Kemanusiaan.

Selain itu, bagi memperkasakan peranan Unit Latihan Industri, satu portfolio baharu diperkenalkan iaitu berkaitan dengan Kebolehpasaran Graduan. Ianya bertujuan untuk menyelaras setiap aktiviti berkaitan yang diakhirinya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan tersebut. Malahan mulai tahun 2010, tempoh masa melaksanakan latihan industri terutama bagi program kejuruteraan telah mengalami perubahan dan ianya sebagai memenuhi keperluan pihak akreditasi. Latihan industri dilaksanakan semasa semester pendek iaitu di antara Semester 6 dan Semester 7.

Selain itu, untuk memastikan pelajar Universiti mencapai kualiti yang dikehendaki oleh pihak industri dan organisasi seramai 1,255 orang pelajar telah berjaya ditempatkan di industri semasa program Latihan Industri (LI) dan daripada jumlah tersebut seramai lima orang pelajar telah berjaya mendapat tempat untuk menjalani LI di luar negara iaitu China, Singapura, Ireland dan Thailand.

Jadual 19: Jumlah Pelajar Yang Berjaya Menjalani Latihan Industri Mengikut Pecahan Fakulti

SESI	FAKULTI					JUMLAH
	FKM	FKASA	FKEE	FSKPP	FKKSA	
II 2010/11	238	174	191	44	34	680
I 2010/11	15	11	41	104	405	575
<b>JUMLAH</b>	<b>253</b>	<b>185</b>	<b>232</b>	<b>148</b>	<b>439</b>	<b>1255</b>

Jadual 20: Jumlah Pelajar Yang Menjalani Latihan Industri Di Luar Negara Pada Tahun 2010

BIL.	NAMA INDUSTRI	NEGARA	JUMLAH
1.	Shanghai Hyron Software Co.,Ltd	China	1
2.	Squire Mech Private Limited	Singapura	1
3.	PM Group Company	Ireland	1
4.	Nus Nanoscience & Nanotechnology Initiative	Singapura	1
5.	Top Glove Sdn. Bhd.	Thailand	1
<b>JUMLAH</b>			<b>5 orang</b>

Berikut adalah antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan bersama:

Jadual 21: Senarai Aktiviti Yang Melibatkan Sekolah-sekolah Sepanjang Tahun 2010

BIL.	NAMA SEKOLAH	PROGRAM BERSAMA
1.	SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL RAHMAN TALIB (SMART)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karnival Teknologi Maklumat &amp; Komunikasi (ICT)</li> <li>• Program Kemahiran Belajar (Study Skills) bersama PBMSK.</li> <li>• Seminar Kaedah Penyelidikan Untuk Guru</li> <li>• Menyertai program Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan UMP</li> <li>• Kuiz Kesedaran Biodiversiti-Bioteknologi oleh FSTI</li> </ul>
2.	SEKOLAH KEBANGSAAN (P) METHODIST KUANTAN (MGS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karnival Tahun Baharu China</li> <li>• Lawatan sambil belajar ke Makmal Kejuruteraan UMP</li> <li>• Program Membina Kekuatan Emosi dan Akademik</li> <li>• Menyertai program Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan UMP</li> </ul>
3.	SEKOLAH KEBANGSAAN BANDAR DUA PALOH HINAI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persembahan bersama dengan Unit Kebudayaan UMP semasa Program Bersama Harian Metro</li> <li>• Bengkel Pembangunan Multimedia</li> <li>• Program Kecemerlangan Diri – Menyerlah Jauh Dari Yang Biasa</li> <li>• Program Kemahiran Orientasi Belajar</li> <li>• Program Membina Kecerdasan Emosi Kaedah Biofeedback Pelajar Sekolah Menengah.</li> <li>• Program Membina Kecerdasan Emosi Kaedah <i>Biofeedback</i> Murid Tahun 6.</li> <li>• Pembinaan bahan pengajaran &amp; pembelajaran – Fasa 1</li> <li>• Pendedahan program <i>movie maker</i></li> <li>• Sambutan Kemerdekaan Bersama Siswa / Siswi UMP</li> <li>• Penyediaan Galeri Masyarakat Orang Asli</li> <li>• Menyertai program Majlis Syarahan Umum Peringkat Kebangsaan UMP</li> </ul>



#### Program Jaringan Kerjasama UMP-Sekolah Kluster

Sepanjang tahun 2010, sejumlah 20 program di bawah jaringan kerjasama UMP-Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) telah dilaksanakan. Tahun ini menyaksikan SKK yang ditindikan dengan UMP iaitu Sekolah Kebangsaan Bandar Dua Paloh Hinai, Pekan telah melaksanakan hampir 11 program dan merupakan SKK tertinggi menjalankan program bersama UMP.

Selaras dengan pemilihan SKK iaitu merupakan sekolah-sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya berasaskan aspek akademik, kokurikulum, sahsiah, pengurusan sekolah, budaya, hubungan dengan pihak luar, pembangunan modal insan dan sumber yang ada maka ianya telah memberi impak yang positif kepada sekolah tersebut. SKK mempunyai bidang kebitaraan (niche areas) yang dapat menyerlahkan watak sekolah. Atas prinsip yang ada, Universiti mewujudkan rangkaian untuk membenarkan sekolah mengikuti beberapa aktiviti di Universiti serta mendapat manfaat daripada kemudahan-kemudahan termasuk makmal-makmal Universiti.



PENYELIDIKAN &  
INOVASI




## PENYELIDIKAN & INOVASI

Tahun 2010 merupakan tahun yang mencabar bagi keseluruhan warga UMP termasuk yang aktif dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Dengan peruntukan mengurus UMP berkurang sehingga 30 peratus serta peruntukan dana penyelidikan yang semakin berkurangan pada penghujung Rancangan Malaysia ke 10, Jabatan Penyelidikan & Inovasi terpaksa melakukan usaha yang luar biasa bagi memastikan budaya dan aktiviti penyelidikan dan inovasi sentiasa berlangsung di UMP.

Bagi tujuan tersebut, inisiatif-inisiatif terdahulu yang diwujudkan bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan Inovasi di UMP seperti dana penyelidikan, dana persidangan dan terbitan jurnal, dana harta intelek, peruntukan promosi produk penyelidikan, dana pra pengkomersialan dan lain-lain terus diberi keutamaan. Selain itu juga, UMP aktif merebut peluang yang ditawarkan oleh pihak luar melalui program kerjasama bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan inovasi berlaku dalam situasi menang-menang (*win-win situation*). Aktiviti ini menyaksikan UMP berjaya membawa masuk geran penyelidikan kontrak daripada industri berjumlah RM3,110,000.00.

Carta 13: Statistik Jumlah Projek Penyelidikan Luar UMP Pada Tahun 2009 dan 2010




BIL.	AGENSI PEMBIAYA	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	KPT (FRGS)	20	878,260.00
2.	KPT (Geran KPT)	1	30,000.00
3.	MOSTI ( <i>Science fund</i> )	2	207,610.00
JUMLAH KESELURUHAN		23	1,115,870.00


Dengan inisiatif yang terus dikekalkan serta beberapa pengenalan kepada gerak kerja baharu yang dilakukan oleh jabatan ini, tahun 2010 merupakan tahun yang penting bagi jabatan ini memacu UMP dalam meneraju kecemerlangan bidang penyelidikan yang mana tahun ini juga merupakan tahun terakhir bagi UMP memperkukuhkan asas dan menjana kecemerlangan sebelum UMP melakar untuk menjadi Universiti Teknologi Pilihan Utama pada 2011-2015 nanti.

Peratusan mengikut Fakulti untuk Geran Penyelidikan Universiti yang diluluskan bagi tahun 2010 yang melibatkan dana penyelidikan sebanyak RM 2,925,304.80

Carta 14: Statistik Geran Penyelidikan Universiti Pada Tahun 2010




Carta 16: Jumlah Penulisan Kertas Kajian Dalam Jurnal Mengikut Fakulti Pada Tahun 2010



### Penerbitan Jurnal dan Pengurusan Persidangan


Pengurusan persidangan dan penerbitan jurnal mula diuruskan oleh Jabatan Penyelidikan & Inovasi pada bulan Februari 2009. Pengurusan inisiatif ini adalah di bawah kawalan Tabung Persidangan, dan ianya dimanfaatkan oleh semua staf akademik dan bukan akademik (termasuk felo UMP) serta pelajar-pelajar siswazah. Berikut merupakan perincian berkenaan jumlah penghasilan kertas kajian bagi jurnal, persidangan dalam negara, persidangan luar negara pada tahun 2010.

Carta 17: Jumlah Penghasilan Artikel Dalam Persidangan Luar Negara, Persidangan Dalam Negara dan Jurnal Pada Tahun 2010







Carta 17: Statistik Penulisan Kertas Kajian di Persidangan Dalam Negara Mengikut Fakulti Pada Tahun 2010




Carta 20: Perbandingan Pendaftaran Harta Intelekt Dari Tahun 2008 Hingga 2010



Carta 18: Jumlah Penulisan Artikel/Kertas Kajian di Persidangan Luar Negara Mengikut Fakulti Pada Tahun 2010



Carta 19: Statistik Pendaftaran Harta Intelekt UMP 2010




### Pengiktirafan Penyelidikan dan Inovasi

Sepanjang tahun 2010, UMP telah menghantar keseluruhan sebanyak 27 produk penyelidikan ke tiga pameran penyelidikan di peringkat kebangsaan dan dua pameran penyelidikan di peringkat antarabangsa. Objektif penyertaan dalam pameran penyelidikan ini adalah untuk mempromosikan produk penyelidikan UMP kepada masyarakat umum dan memberi peluang kepada penyelidik untuk bertemu dengan industri bagi tujuan mengkomersialkan produk penyelidikan tersebut.

Di samping itu juga, pengiktirafan dalam bentuk pingat juga diambil kira untuk memastikan produk penyelidikan yang menyertai pameran tersebut mempunyai kualiti yang tinggi sehingga mendapat perhatian dari pihak juri professional. Dengan penyertaan UMP ke pameran-pameran ini, produk penyelidikan UMP telah dianugerahkan dengan 32 pingat dan empat anugerah khas. Lebih memaikan lagi pencapaian UMP pada tahun ini adalah dengan pengiktirafan *World Intellectual Property Organization* kepada Profesor Madya Dr. Mimi Sakinah binti Abdul Munaim dengan anugerah BEST WOMEN INVENTOR.

Carta 21: Bilangan Pingat Yang Diperoleh Sepanjang Tahun 2010



### Hubungan Universiti-Industri

Pada tahun 2010, Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC) telah menerima peruntukan Geran Pra-Pengkomersialan daripada universiti sebanyak RM 200,000.00. Geran ini bertujuan khusus untuk membantu para penyelidik untuk membangunkan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Sebanyak 4 projek yang berpotensi telah terpilih untuk menerima geran ini seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 22.

Jadual 22: Senarai Projek Yang Memperoleh Geran Pra-Pengkomersialan UMP Pada Tahun 2010

BIL.	NAMA PROJEK	KETUA PROJEK	NILAI GERAN
1.	<i>Smart Electrical Energy Saving Controller for Application in UMP Lecture Halls</i>	Ir. Zulkeflee bin Khalidin (FKEE)	RM 20,000.00
2.	Pembangunan Showcase Pusat Penyelidikan dan Kecemerlangan Biodiversiti dan Bioteknologi negeri Pahang di Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang	Profesor Dr. Mashitah binti Mohd Yusoff (FSTI)	RM 70,000.00
3.	Penghasilan TC1 dan TC3 bagi tujuan kajian-kajian Pra-Klinikal dan Toksikologi	Profesor Dr. Mashitah binti Mohd Yusoff (FSTI)	RM 51,600.00
4.	Pengawal Mesin PCNC	Profesor Madya Dr. Wan Azhar bin Wan Yusoff (FKPPT)	RM 50,000.00

Projek R&D di UMP semakin menunjukkan perkembangan yang positif dari semasa ke semasa. Dengan sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan dan industri, universiti telah berjaya menghasilkan 2 projek yang telah mencapai peringkat akhir untuk

dikomersialkan. Dua projek ini adalah di bawah pengurusan anak syarikat UMP Holdings iaitu UMP Green Technology Sdn. Bhd.

Tahun 2010 menyaksikan peningkatan sebanyak 7 peratus dalam jumlah Geran Penyelidikan Kontrak iaitu

peruntukan sebanyak RM3,110,000.00 telah diperolehi berbanding pada tahun sebelum ini dengan peruntukan sebanyak RM2,900,000.00. Rakan industri yang terlibat dalam kerjasama dalam hubungan Universiti-Industri dengan UMP seperti yang dinyatakan seperti di bawah.

Jadual 23: Senarai Industri Yang Menjalinkan Hubungan Universiti-Industri Dengan UMP Pada Tahun 2010

BIL.	RAKAN KOLABORASI	TAJUK KOLABORASI	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Sapura Technical Center	Suspension Module: Pasive, Semi Active & Active Asorber	RM2,900,000.00
2.	Fusion A&T Sdn. Bhd.	Development of Solar Concentrating Dish Collector and Stirling Engine for Integrated Green Electric Power Generation	RM 200,000.00
3.	San-du Solar Energy Sdn Bhd	Development of Solar Concentrating Dish Collector and Stirling Engine for Integrated Green Electric Power Generation	RM 10,000.00
JUMLAH			RM3,110,000.00

Sepanjang tahun 2010 juga menyaksikan sebanyak dua memorandum persefahaman (MoU) dan satu memorandum perjanjian (MoA) telah ditandatangani dengan rakan industri yang mempunyai bidang atau aktiviti yang berkaitan dengan bidang fokus UMP.


Jadual 24: Senarai MoU dan MoA Yang Ditandatangani Oleh Pihak Industri Dengan UMP

BIL.	INDUSTRI/ INSTITUSI YANG TERLIBAT	AKTIVITI/BIDANG KERJASAMA	PTJ/FAKULTI YANG TERLIBAT	JENIS PERJANJIAN
1.	Miyazu (Malaysia) Sdn. Bhd.	Kerjasama dalam bidang: Akademik Penyelidikan Lain-lain aktiviti yang dirasakan sesuai oleh semua pihak	<i>Automotive Excellence Centre (AEC)</i>	MoU
2.	IBM Malaysia Sdn. Bhd. & Heitech Padu Bhd.	<i>IBM, UMP &amp; HTP are engaged in discussions regarding the creation and proposed collaboration of the IBM-UMP-HTP System z Academic Initiative ("z AI") for the establishment and development of an elective curriculum leading to the nurturing of experts and specialized human resources on IBM system z</i>	Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP)	MoU
3.	Sapura Industrial Berhad	Kerjasama dalam bidang: R&D yang berkaitan dalam bidang pembuatan dan automotif Latihan Industri Pembangunan Kursus Profesional Pembangunan & kerjasama pendidikan pengajian siswazah	Pusat Hubungan Universiti Industri (UIC)	MoA


**Penerbit UMP**

Penerbit UMP menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan pada tahun 2010. Semua aktiviti yang dirancang menunjukkan peningkatan. Semua aktiviti yang telah dirancang bagi menggalakkan budaya menulis di kalangan warga akademik telah dilaksanakan dengan jayanya. Hasil daripada usaha dan galakan yang diberikan oleh pejabat ini membuahkan hasil yang sangat produktif.


Carta 22: Bilangan Cetakan Mengikut Tahun



Carta 23: Statistik Penerbitan Ilmiah Mengikut PTJ dan Tahun Penerbitan



Carta 24: Statistik Jualan Penerbitan Ilmiah Mengikut Tahun 2007 hingga 2010



### Makmal Berpusat

Idea penubuhan Makmal Analisis Berpusat di UMP pertama kali dicadangkan pada pertengahan 2009. Cadangan penubuhannya adalah untuk membangunkan makmal berpusat untuk perkhidmatan teknikal yang mampu menyediakan analisis kualitatif dan kuantitatif kepada pengguna dari dalam dan luar UMP. Berada di lingkungan kawasan perindustrian yang pesat membangun iaitu meliputi kawasan Pekan, Kerteh dan Paka, kewujudan makmal berpusat UMP sememangnya dinantikan. Perkhidmatan yang bakal ditawarkan akan lebih tertumpu kepada pengujian kimia, bahan dan bioteknologi. Dengan menggunakan peralatan pengujian yang berteknologi tinggi ia mampu untuk membawa makmal berpusat UMP ke dalam dunia moden sains dan teknologi. Ia juga memainkan peranan dalam fungsi pembangunan staf untuk lebih berdaya saing dengan penggunaan teknologi terkini dalam R&D&C. Makmal berpusat ini dijangka mampu membentuk perhubungan dengan industri melalui kerjasama yang menguntungkan dengan menjadi makmal perkhidmatan terbaik di kawasan Pantai Timur.

#### Perkhidmatan yang ditawarkan:

1. Makmal Bioteknologi
2. Makmal Kimia
3. High Performace Liquid Chromatography (HPLC) PREP
4. Nuclear Magnatic Resonance (NMR)
5. SEM



Sepanjang tahun 2010 Makmal Berpusat telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM28,235.00 melalui perkhidmatan yang telah dijalankan.

Jadual 25: Statistik Pendapatan Yang Diperoleh Mengikut Bulan Sepanjang Tahun 2010

BULAN	PENDAPATAN
Mac	RM6,310.00
April	RM140.00
Mei	RM560.00
Jun	RM2,730.00
Ogos	RM1,100.00
September	RM970.00
Oktober	RM4,070.00
November	RM8,775.00
Disember	RM3,580.00
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>RM28,235.00</b>

PENGANTARABANGSAAN



## PENGANTARABANGSAAN

Tahun 2010 merupakan tahun yang amat penting bagi agenda pengantarabangsaan Universiti ini. Pejabat Antarabangsa UMP yang telah beroperasi sejak Januari 2009 telah diperkasakan dengan pelantikan Pengarah pertamanya Dr. Wan Norlidah Al-Qadri, Felo Perunding Kanan UMP daripada Fakulti Sains & Teknologi Industri (FIST) pada 15 Mac 2010.

Pelantikan beliau telah memberikan impak positif kepada agenda pengantarabangsaan UMP. Buat julung-julung kalinya, Polisi Pengantarabangsaan UMP telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) pada 14 Julai 2010 dan majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP pada 8 Ogos 2010.

Selain itu, tahun 2010 juga telah menyaksikan pertambahan ketara jumlah pelajar UMP yang terlibat dengan program mobiliti. Di bawah salah satu program yang dianjurkan oleh Pejabat Antarabangsa iaitu "Around The World In 1 Day 2010", seramai 181 orang pelajar telah menyertainya dengan lebih 40 projek di sembilan buah negara iaitu China (termasuk Tibet), India, Korea Selatan, Jepun, Australia, Thailand, Vietnam, Kemboja dan Mesir.



Sepanjang tahun 2010 juga, pihak Pejabat Antarabangsa telah mengadakan beberapa kempen kesedaran tentang Hari Sedunia UNESCO seperti "World Diabetes Day", "Universal Children's Day", "World AIDS Day" dan beberapa lagi yang seumpama dengannya. Pelajar diberikan peluang untuk menyatakan sokongan mereka dengan menandatangani sepanduk yang disediakan. Aktiviti ini juga adalah selaras dengan Polisi Pengantarabangsaan UMP yang memberikan penekanan kepada kesedaran dan kepekaan pelajar kepada isu-isu global dan kesukarelawan.

Akhir sekali, tahun 2010 juga telah menyaksikan tertubuhnya sebuah persatuan yang menggabungkan bukan sahaja pelajar antarabangsa dan tempatan malahan juga pelajar prasiswazah dan pengajian siswazah UMP. Persatuan tersebut yang dinamakan "1UMP 1World Conference" di bawah kelolaan Pejabat Antarabangsa telah ditubuhkan pada 2 September 2010. Pentadbiran persatuan tersebut adalah berdasarkan negara dan negara Pakistan telah diberikan tanggungjawab sebagai Pengerusi pertama persatuan tersebut. Adalah diharapkan agar "1UMP 1World Conference" dapat menjadi pemangkin kepada kejayaan agenda pengantarabangsaan UMP.

**Pelajar Antarabangsa**

Jadual 26: Jumlah Kemasukan Pelajar Antarabangsa Pada Tahun 2010

NEGARA	BIL PELAJAR
Indonesia	35
Kemboja	1
China	72
Iraq	19
Pakistan	14
Yemen	8
Bangladesh	6
Sudan	4
Libya	4
Uzbekistan	1
India	6
Somalia	1
Republik Chad	1
<b>JUMLAH</b>	<b>172</b>

Jadual 27: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Peringkat Pegajian Pada Tahun 2010

PERINGKAT PENGAJIAN	BILT
Sarjana Muda	68
Sarjana	44
Doktoral	60
<b>JUMLAH</b>	<b>172</b>

Jadual 28: Bilangan Pelajar Antarabangsa Mengikut Fakulti Pada Tahun 2010

FAKULTI	PROGRAM		
	SARJANA MUDA	SARJANA	DOKTORAL
FSKPP	12	9	11
FKKSA	8	13	15
FKASA	16	3	5
FKM	9	4	9
FKEE	7	6	3
FKPPT	15	6	14
FIST	1	3	3
<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>	<b>44</b>	<b>60</b>

**Perjanjian Persefahaman (MoU) Antarabangsa**

Tahun 2010 telah menyaksikan sejumlah empat Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh UMP dan beberapa rakan universiti luar negara daripada Mesir, Ireland dan China.

Jadual 29: Senarai Perjanjian Persefahaman (MoU) Yang Ditandatangani Sepanjang Tahun 2010

BIL.	UNIVERSITI LUAR NEGARA YANG TERLIBAT	TARIKH TANDATANGAN	KERJASAMA
1.	Hebei University, China	1 Januari 2010 (5 Tahun)	<b>a) Akademik</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Program Berkembar Pra Siswazah</li> <li>Profesor Pelawat</li> <li>'External Academic Advisor'</li> <li>Program Pertukaran Pelajar</li> <li>Industrial Attachment</li> <li>Credit Transfer</li> <li>Cultural Exchange</li> <li>Program Pertukaran Staf</li> <li>Akademik</li> <li>Pentadbiran</li> <li>Split Program</li> </ul> <b>b) Penyelidikan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Joint Research Program</li> </ul>
2.	The Regional Information Technology and Software Engineering Centre, (RITSEC) Egypt	19 Mei 2010 (5 Tahun)	
3.	South Central University for Nationalities	13 Jun 2010 (5 Tahun)	
4.	Northern Illinois University (NIU), USA	November 2010 (5 Tahun)	



### Program Pelajar Ke Luar Negara

Sepanjang tahun 2010, seorang pelajar UMP telah mengikuti program pertukaran pelajar di luar negara. Hasrul Reeza Mustafa dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) telah berjaya mengikuti program pertukaran pelajar di bawah kelolaan Asean Republic of Korea International College Student Exchange Program ke Daejeon University, South Korea sepanjang tempoh 15 Mac hingga 31 Disember 2010.

### Lawatan Rasmi Akademik dan Kerja Rasmi Ke Luar Negara

Selain itu, beberapa siri lawatan akademik dan kerja rasmi ke luar negara yang bertujuan untuk memberi pendedahan suasana antarabangsa kepada staf di UMP.

Jadual 30: Senarai Lawatan Akademik dan Kerja Rasmi Ke Luar Negara

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	14 hingga 19 Mei 2010	Lawatan Kerja Rasmi ke Egypt (MISR University for Science & Technology & Regional Information Technology and Software Engineering Center (RITSEC))
2.	19 Jun 2010	Lawatan Akademik/Kerja Rasmi ke South Central University for Nationalities (SCUN)
3.	19 hingga 24 September 2010	Lawatan Kerja Rasmi ke Hebei University China khusus bagi membincangkan Projek Pembangunan Mandarin Language & Cultural Center (MLCC)



### Lawatan Dari Delegasi Luar Negara Ke UMP

Di samping itu, telah dikunjungi oleh sejumlah delegasi dari luar negara sepanjang tahun 2010. Antara lawatan tersebut ialah dari Brunel University, United Kingdom pada 29 Januari 2010 dan South Central University for Nationalities (SCUN) pada 31 Mei 2010.

PERPUSTAKAAN



## PERPUSTAKAAN

Sepanjang tahun 2010, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan oleh Perpustakaan UMP dengan kerjasama agensi luar seperti IPTA, IPTS dan sekolah-sekolah sekitar bandar Kuantan. Aktiviti dan program yang dijalankan adalah bagi memantapkan lagi perkhidmatan yang disediakan dan juga sebagai satu langkah Perpustakaan mempromosikan UMP kepada masyarakat.

### Pembangunan Infrastruktur

Bagi menampung pertambahan pelajar dan perpindahan dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Perpustakaan UMP telah melebarkan perkhidmatannya dengan membuka satu lagi perpustakaan di Kampus Pekan pada 1 Mac 2010. Perpustakaan ini berkeluasan 4,200 kaki persegi dan mampu memuatkan seramai 120 orang pada satu-satu masa. Majoriti bahan yang terdapat di dalam Perpustakaan ini adalah buku-buku dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Bilangan staf yang menjalankan operasi di Perpustakaan UMP Pekan adalah seramai enam orang dengan diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pustakawan. Purata harian pengguna yang mengunjung Perpustakaan UMP Pekan adalah seramai 148 orang sehari, sementara jumlah pinjaman bahan sepanjang 2010 adalah sebanyak 2,871 naskhah.



*Ruangan sementara Perpustakaan Kampus Pekan.*

Di Kampus Pekan, Perpustakaan UMP juga sedang dalam proses membina bangunan tetapnya yang berkeluasan 16,000 meter persegi dan mampu memuatkan seramai lebih-kurang 4,500 orang pengguna pada satu-satu masa. Bangunan empat tingkat ini dijangka akan siap pada Julai 2011 dan akan dibuka kepada pengguna pada Januari 2012. Setelah siap nanti, ia akan menjadi Perpustakaan Induk UMP sementara Perpustakaan UMP Gambang akan dijadikan perpustakaan cawangan.



Gambar bangunan Perpustakaan Kampus Pekan yang sedang dalam pembinaan.



Lakaran bangunan baharu Perpustakaan Kampus Pekan

### Pembangunan Koleksi

Perpustakaan UMP telah menerima bajet sebanyak RM2.14 juta pada tahun 2010. Dari bajet tersebut, sebanyak RM880,000 telah digunakan untuk pembelian buku dan bahan media sementara RM1.26 juta digunakan untuk langganan pangkalan data, jurnal elektronik dan majalah. Hasilnya, Perpustakaan telah dapat membeli sebanyak 2,700 naskhah buku dan 158 unit bahan media, menjadikan koleksi di Perpustakaan UMP sebanyak 53,088 naskhah semuanya. Manakala koleksi di Perpustakaan UMP Pekan pula telah mencecah sebanyak 6,474 naskhah sehingga Disember 2010.

Bagi pangkalan data, perpustakaan telah dapat melanggan dua pangkalan data baharu menjadikan jumlah pangkalan data yang terdapat di perpustakaan sebanyak 21 buah sehingga kini. Pangkalan data baharu yang dilanggan pada tahun 2010 adalah seperti berikut:

- **Wizfolio**  
ia merupakan satu pangkalan data berbentuk "biographics tools" yang mana pengaplikasian dan penggunaannya mudah difahami dan dapat membantu warga UMP terutamanya para penyelidik

dan pengarang membuat indeks bibliografi bagi bahan-bahan yang dirujuk sama ada dalam bentuk artikel jurnal, video, grafik dan sebagainya yang diperoleh melalui mana-mana laman web sepanjang proses penyediaan tesis dan kertas kerja mereka.

- **JCR (Journal Citation Report)**  
ia merupakan pangkalan data yang dapat mengesan kekerapan sesuatu bahan dibuat carian oleh pengguna lain dan melihat "ranking" artikel di dalam sesebuah jurnal bagi tujuan penyelidikan daripada hasil penulisan penyelidik yang terdahulu.

Bagi pangkalan data *e-book* pula, Perpustakaan UMP melalui MOLEC (*Malaysian Online Consortium*) telah membeli secara 'one-time purchase' Netlibrary (*e-books*) dengan pembiayaan Kementerian Pengajian Tinggi. Sebanyak 2,042 tajuk yang telah dibuat secara pemilihan dengan merujuk kepada 20 IPTA lain yang turut berada di bawah naungan MOLEC. Manakala GVRL *Reference Book* (31 tajuk) pula dibeli dengan pembiayaan UMP sendiri dan ditambah lagi dengan 29 tajuk yang lain pada hujung tahun menjadikan bilangan *e-book* GVRL adalah sebanyak 60 buah.

### Pembangunan Perkhidmatan

Perpustakaan UMP telah mula membangunkan *Institutional Repository* (IR) bermula dari awal tahun 2010. *Institutional Repository* atau Pusat Repositori merupakan sistem yang dibangunkan menggunakan EPrint3 bagi menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam bentuk digital. Ia menjadi platform untuk mengumpul, memelihara dan mengadaptasi konsep akses secara terbuka (*open access*) yang dapat menyetengahkan bahan ilmiah dan hasil penyelidikan staf UMP ke peringkat global. Dengan perubahan teknologi yang pantas, IR bukan sahaja dilihat sebagai tempat untuk menyimpan, mengurus, dan mengakses kandungannya tetapi sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh sesebuah organisasi dalam mengurus bahan intelek mereka.

Projek memuat-naik tesis-tesis pelajar dan pensyarah UMP telah dimulakan pada bulan April 2010 dan sehingga penghujung bulan Disember 2010 sebanyak 896 tesis dan 63 kertas persidangan telah dimuat-naikkan ke dalam UMPIR. UMPIR telah menerima kunjungan dan respon yang amat baik dari pelbagai negara antaranya Pakistan, Turki, negara-negara Timur Tengah dan juga Asia Tenggara.



### Perkhidmatan Dan Kemudahan

Perkhidmatan yang berkualiti dan lebih sistematik telah diberi penekanan dan penambahbaikan dengan pemantapan sistem bersepadu dalam talian iaitu Virtua bagi seluruh rangkaian Perpustakaan UMP dan IMS bagi pengurusan perolehan di Perpustakaan UMP. RFID digunakan secara menyeluruh bermula pada tahun 2010 dan ini adalah merupakan satu sistem keselamatan perpustakaan yang telah digunakan di kebanyakan perpustakaan di seluruh dunia bagi menjamin keselamatan bahan-bahan yang berada di dalam perpustakaan.

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan dan mendekatkan lagi perpustakaan di kalangan ahlinya, jaringan sosial '*facebook*' (dengan menggunakan nama **Ump Lib**) telah digunakan sebagai penghubung antara golongan muda iaitu para pelajar yang lebih senang dan selesa menggunakannya. Selain itu laman web perpustakaan (<http://umplibrary.ump.edu.my>) dan blog (<http://umplib.wordpress.com>) turut dijadikan sebagai medium bagi menarik ahli-ahli perpustakaan mendekati, memberikan komen atau cadangan di dalam membantu perpustakaan menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengguna.

Keahlian perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik, staf bukan akademik dan publik. Secara keseluruhan, keahlian Perpustakaan (Gambang dan Pekan) sehingga Disember 2010, telah mencapai seramai 7,025 orang. Pecahan ahli adalah seperti berikut:

Jadual 31: Bilangan Keahlian Perpustakaan Mengikut Kategori Yang Telah Ditetapkan Sepanjang Tahun 2010

KATEGORI KEAHLIAN	JUMLAH
Pelajar Diploma dan Ijazah	5,890
Pelajar Lulusan Ijazah	217
Staf Akademik	478
Staf Bukan Akademik	431
Ahli Publik	9
<b>JUMLAH</b>	<b>7,025</b>

### Jumlah Pengunjung

Jumlah pengunjung Perpustakaan mencecah kepada 151,208 orang pada tahun 2010. Berikut ialah pecahan pengunjung mengikut bulanan.

*Jadual 32: Senarai Pengunjung Perpustakaan Mengikut Bulan Sepanjang Tahun 2010*

BULAN	JUMLAH
Januari	8,460
Februari	6,859
Mac	10,379
April	30,141
Mei	2,559
Jun	3,671
Julai	13,063
Ogos	30,411
September	7,481
Oktober	17,747
November	17,397
Disember	3,040
<b>JUMLAH</b>	<b>151,208</b>



*Jadual 33: Statistik Peminjaman dan Pembaharuan Pinjaman Mengikut Kategori Keahlian Sepanjang Tahun 2010*


### Jumlah Peminjaman dan Pembaharuan Pinjaman

Sepanjang 2010, sebanyak 34,961 aktiviti peminjaman dan pembaharuan pinjaman dilakukan oleh ahli-ahli berdaftar Perpustakaan UMP. Pecahan aktiviti mengikut jenis ahli adalah seperti berikut.

KATEGORI KEAHLIAN	JUMLAH PEMINJAMAN DAN PEMBAHARUAN PINJAMAN
Pelajar Diploma dan Ijazah	23,551
Pelajar Lulusan Ijazah	3,295
Staf Akademik	5,596
Staf Bukan Akademik	2,512
Ahli Publik	7
<b>JUMLAH</b>	<b>34,961</b>

**Statistik Penggunaan Pangkalan Data Terpilih (2009-2010)***Science Direct (2007-2010) - 'full-text download'**Jadual 34: Jumlah Artikel Yang Berjaya Dimuat-turun Mengikut Bulan Dari Tahun 2007 Hingga 2010*

TAHUN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
2010	14,847	13,203	15,244	10,422	6,425	14,421	12,770	27,014	13,570	23,102	15,841	7,908
2009	10,973	13,217	18,283	10,540	6,390	4,100	14,448	22,752	11,398	17,700	8,859	22,929
2008	11,828	56,366	11,378	8,039	2,221	3,439	9,119	13,199	8,472	9,095	3,480	2,096
2007	2,421	2,501	3,554	2,241	2,675	2,657	5,401	6,568	3,344	2,454	4,588	2,045


*Carta 25 : Statistik Artikel Yang Berjaya Dimuat-turun Mengikut Bulan Dari Tahun 2007 Hingga 2010*

**Scopus (2007-2010) - Searches run**

Jadual 34: Jumlah Pencarian Bahan Mengikut Bulan Dari Tahun 2007 Hingga 2010

TAHUN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER
2010	1,224	2,652	1,845	1,240	688	715	1,322	1,717	1,025	1,024	1,090	1,389
2009	476	677	537	403	765	187	1,581	958	802	1,129	884	728
2008	145	135	56	134	167	198	175	129	89	102	760	181
2007	32	13	10	9	8	28	21	17	3	17	141	79

Carta 26: Statistik Pencarian Bahan Mengikut Bulan Dari Tahun 2007 Hingga 2010






**IEEEExplore (2007-2010) - Article Request**

Statistik Muat Turun Artikel Dari Tahun 2007-2010


Carta 27: Statistik Muat-turun Artikel Mengikut Bulan dan Tahun Dari Tahun 2007 Hingga 2010



**Springerlink (2008-2010) - full-text download**

Statistik Muat Turun Artikel Dari Tahun 2008-2010


Carta 28: Statistik Bahan Dan Artikel Yang Berjaya Dimuat-turun Mengikut Bulan Dan Tahun Dari Tahun 2008 Hingga 2010



**Emerald (2009-2010) - full-text download**

Statistik Muat Turun Artikel Dari Tahun 2009-2010

Carta 29: Statistik Bahan Atau Artikel Yang Berjaya Dimuat-turun Mengikut Bulan Dan Tahun Dari Tahun 2009 Hingga 2010



### Seminar Pengurusan Ilmu 2010

Perpustakaan telah mengadakan Seminar Pengurusan Ilmu peringkat kebangsaan pada 10 Febuari 2010 bertempat di Auditorium Perpustakaan UMP. Seramai 114 peserta yang hadir untuk mendengarkan sesi perkongsian ilmu dari empat orang penceramah.

Penceramah-penceramah telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk Pengurusan Ilmu: Trend, Realiti atau Mitos?, Adaptasi Pengurusan Ilmu di Persada Akademik Tempatan, *Integrated Knowledge Management System*



*Para peserta Seminar Pengurusan Ilmu 2010 bergambar beramai-ramai di hadapan Bangunan Perpustakaan sebelum seminar berlangsung.*

*Design* dan juga *BNM as Knowledge - Based Organization*. Kertas kerja tersebut disampaikan oleh YM Profesor Dato' Dr. Haji Raja Abdullah Yaakob (Pensyarah UiTM), Cik Che Rosnah Ngah (Pustakawan UMT), Profesor Madya Wan Maseri Wan Mohamad (pensyarah UMP) dan Ghazali Mohamed Fadzil (Pengurus *Knowledge Management Center*, Bank Negara Malaysia).

### Sambutan Bulan Membaca 2010

Sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2010 telah diadakan oleh Jabatan Perpustakaan bermula dari 12 Julai hingga 6 Ogos 2010.

Objektif Sambutan Bulan Membaca adalah untuk meraikan Bulan Membaca Kebangsaan 2010, menceriakan suasana di perpustakaan bagi menarik ramai pengunjung serta mempromosikan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar-pelajar baharu terutamanya di samping mendedahkan koleksi perpustakaan kepada semua pengguna.

Sepanjang Bulan Membaca ini, pelbagai aktiviti berkaitan pembacaan dan keilmuan telah diadakan. Antaranya adalah pameran poster-poster



hasil penyelidikan Penyelidik UMP, Pertandingan Pengunjung Paling Kerap, Pertandingan Peminjam Terbanyak, Pengunjung Bertuah, Teka Berat dan Jumlah Muka Surat Buku, Pameran Keratan Akhbar Berkaitan Perpustakaan, Pameran Kolaj Koleksi Buku, Peraduan Teka Silang kata dan acara kemuncaknya adalah Pertandingan Menghias Kek Berpandukan Buku yang terdapat di dalam koleksi Perpustakaan UMP.

## Pencapaian Sepanjang Tahun 2010

### KIK 2010

Penyertaan kali kedua Perpustakaan UMP membuah hasil apabila Kumpulan *Wisdom* daripada Perpustakaan telah mencatatkan kejayaan yang cemerlang. Dianggotai oleh Amelia Hasan (Ketua), Hajah Kamariah Gono, Wan Rosnur Irma Wan Mohamad, Mohd Azfarshah Azizan, Mohd Esuadi Mustaffa, Shahril Johari dan Puan Siti Aishah sebagai fasilitator. Dengan projek “Meningkatkan Jumlah Pengguna ke Perpustakaan” Kumpulan *Wisdom* telah mendapat tempat kedua dalam Konvensyen KIK peringkat UMP. Kumpulan ini merupakan kumpulan kedua dari Perpustakaan menyertai konvensyen kali ke-2/2010.



*Kumpulan Wisdom – Kumpulan kedua Perpustakaan UMP yang turut meraih kejayaan di dalam Konvensyen KIK kali ke-2/2010*

### Amalan 5S

Perpustakaan berjaya mendapat Pensijilan Amalan 5S Persekitaran Berkualiti pada tahun 2010. Ini merupakan satu penghargaan yang amat bermakna buat semua warga perpustakaan yang telah bertungkus-lumus dan bekerjasama merealisasikan impian yang diidam-idamkan. Melalui pensijilan ini Amalan 5S ini akan membuka lembaran baharu bagi perpustakaan agar lebih bersemangat untuk bekerja.



*Auditor dalaman UMP sedang mengaudit Ruang Kerja di Unit Perolehan, Perpustakaan UMP.*

### Pencapaian Perpustakaan Di Peringkat Kebangsaan

Konvensyen ICC Kebangsaan 2010



*Kumpulan pertama Perpustakaan UMP iaitu e-Lib masih mengekalkan kehebatan mereka dengan menyertai Konvensyen Peringkat Kebangsaan di Genting Highland dan konvensyen ICC lain di beberapa tempat pada tahun ini.*

### Persatuan Pustakawan Kumpulan Timur

Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur (PPM Kumpulan Timur) merupakan persatuan yang dianggotai oleh para pustakawan dari pelbagai institusi di Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Penubuhannya telah mendapat pengesahan daripada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) induk. Mesyuarat kali pertama telah diadakan pada 16 April 2003 bagi mengumpul ahli dan membentuk jawatankuasa PROTEM PPMT (nama asal PPM Kumpulan Timur) sebelum diajukan kepada PPM induk untuk dirasmikan penubuhannya.

Satu sistem giliran telah dibuat dan pada tahun 2009/2011 salah seorang Pustakawan UMP telah menganggotai senarai Ahli Jawatankuasa PPMT iaitu Pn. Nazatul Shima Baroji telah dipilih untuk mewakili negeri Pahang bersama dua lagi Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Sepanjang tahun 2010 pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya:

- Penubuhan Direktori Pustakawan melalui laman social *facebook* (Persatuan Pustakawan Kumpulan Timur)
- Jamuan Hari Raya di Perpustakaan UMT
- Bengkel Pengkatalogan *e-Resources* di Perpustakaan UNISZA

Wakil dari Perpustakaan UMP turut sama menjayakan aktiviti yang diadakan oleh PPMT ini bagi menunjukkan sokongan ke atas usaha murni PPMT ini.

### Keahlian MOLEC

Pada dasarnya, Perpustakaan UMP telah mendapat banyak manfaat dengan menjadi anggota kepada MOLEC atau singkatan bagi Malaysian Online Consortium. Pada tahun 2010, MOLEC telah berjaya melanggan empat buah pangkalan data secara berpusat di bawah pembiayaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Keanggotaan konsortium ini yang terdiri daripada 20 IPTA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan pangkalan data yang terlibat adalah seperti berikut:

- *Proquest Dissertation & Thesis (PQDT)*
- *Ebscohost*
- *Scopus*
- *Netlibrary*

Rundingan secara konsortium dengan pembekal dapat menghasilkan harga langganan terbaik untuk semua IPTA di mana bayaran langganan adalah bergantung kepada bilangan institusi yang menganggotainya. Melalui perkongsian sumber ini juga dapat menjimatkan bajet langganan pangkalan data pada tahun 2010 di mana melalui penjimatan ini dapat memberi peluang untuk langganan pangkalan data lain yang lebih diperlukan di insituti masing-masing.



Ahli-ahli PPMT bergambar beramai-ramai di hadapan bangunan Perpustakaan UIAM, Kampus Bandar Indera Mahkota sebelum Mesyuarat Agung Tahunan dijalankan.



PEMBANGUNAN  
FIZIKAL KAMPUS



## PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS

### Pembangunan Kampus UMP Gambang

Tahun 2010 merupakan tahun pelaksanaan bagi pembangunan keseluruhan Projek Pembangunan UMP di bawah peruntukan RMK-9. Semua projek pembangunan fizikal begitu rancak dilaksanakan di Kampus UMP Pekan dan Kampus UMP Gambang.

Dalam usaha menyediakan prasarana terbaik bagi menampung program pengajaran dan pembelajaran serta pembangunan modal insan, Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH) komited untuk menyiapkan beberapa projek fizikal. Bagi tahun 2010, sebanyak RM 4.12 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja pengubahsuaian dan kerja-kerja penyelenggaraan bagi Kampus UMP Pekan dan Kampus UMP Gambang.



*Pengubahsuaian Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)*



*Pengubahsuaian Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)*



*Pengubahsuaian ASTAKA*



*Pengubahsuaian Pusat Kerjaya Akademik German*

*Pengubahsuaian Pusat Kebudayaan & Bahasa Mandarin*





### Pembangunan Kampus UMP Pekan

Pada tahun 2010, pembangunan Kampus UMP Pekan melibatkan pembangunan Fasa 1B. Fasa 1B merangkumi pembinaan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Perpustakaan dan Kolej Kediaman Pelajar.

#### Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan menelan kos sebanyak RM 100 juta. Luas lantai bangunan tersebut adalah sebanyak 15,074 meter persegi. Bangunan ini mengandungi satu blok pentadbiran, dua blok bilik pensyarah, satu blok dewan kuliah dan bilik kuliah. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2011.

### Gambar-Gambar Projek Pembangunan Dan Pengubahsuaian Kampus UMP Pekan



#### Perpustakaan

Bangunan Perpustakaan menelan kos sebanyak RM 50 juta. Luas lantai bangunan tersebut adalah sebanyak 16,000 meter persegi. Bangunan ini mengandungi auditorium, bilik-bilik seminar, ruang bacaan dan bahagian pentadbiran. Projek ini dijangka siap pada Julai 2011.





### Kolej Kediaman Pelajar

Bangunan Kolej Kediaman Pelajar yang mampu menempatkan seramai 648 pelajar ini mengandungi 326 buah bilik dengan kapasiti dapat memuatkan dua orang pelajar sebilik. Manakala kemudahan sokongan yang terdapat di kolej tersebut termasuklah kafeteria dan pejabat pengurusan asrama. Projek kolej kediaman ini menelan kos sebanyak RM 19.86 juta dan telah siap pada Mei 2010.



### Kolej Kediaman Pelajar

Bangunan Kolej Kediaman Pelajar ini boleh menampung seramai 1,400 pelajar mengandungi 700 buah bilik dengan kapasiti dapat memuatkan dua orang pelajar sebilik. Manakala kemudahan sokongan yang terdapat di kolej tersebut termasuklah enam buah rumah felo, pusat pelajar, kafeteria dan pejabat pengurusan asrama. Projek kolej kediaman ini menelan kos sebanyak RM 53.74 juta dan dijangka siap April 2011.



PEMBANGUNAN &  
AKTIVITI PELAJAR



## PEMBANGUNAN & AKTIVITI PELAJAR



**J**abatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA) bertanggungjawab menguruskan kebajikan dan pembangunan pelajar secara holistik melalui penyediaan perkhidmatan dan kemudahan sokongan pelajar yang kondusif serta pengurusan pelbagai aktiviti ke arah mewujudkan pengalaman kehidupan kampus yang menyeluruh. Jabatan ini juga menguruskan jaringan perhubungan di antara universiti dan alumninya.

Urusan kebajikan dan pembangunan pelajar adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Jabatan ini secara berterusan berusaha untuk mewujudkan pengalaman kehidupan kampus yang menyeluruh (*total campus experience*) serta persekitaran kampus yang lengkap dan selesa melalui pelbagai perkhidmatan kebajikan dan sokongan kepada para pelajar.

### Perumahan dan Kemudahan Pelajar

Dalam usaha mewujudkan suasana persekitaran kampus yang lengkap dan selesa untuk menyokong proses pembangunan pelajar yang holistik, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni sentiasa memberikan keutamaan kepada penyediaan kemudahan fizikal yang lengkap dan perkhidmatan kebajikan yang cekap serta berkualiti. Kemudahan fizikal di kolej-kolej kediaman dipertingkatkan dari semasa ke semasa sesuai dengan pertambahan jumlah pelajar.

Penambahan ruang perbincangan berbumbung di Kolej Kediaman Pelajar 1 telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar. Penambahan ruang ini memberi kemudahan kepada pelajar mengadakan perbincangan berkumpulan di dalam kawasan kolej kediaman. Manakala ruang kedai runcit yang beropersai di dalam kawasan kolej berkenaan juga telah dinaiktaraf dengan pemasangan dinding kaca serta penghawa dingin bagi meningkatkan keselesaan kepada pelajar.

### Kolej Kediaman Pelajar Ke-5, Kampus Pekan

Kemudahan perumahan pelajar telah bertambah dengan siapnya pembinaan sebuah lagi kompleks asrama Kampus Pekan. Kolej Kediaman Pelajar ke-5 yang telah mula beroperasi pada bulan Julai 2010 ini boleh menampung seramai 648 orang pelajar. Kolej ini menempatkan para pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE). Pelajar tahun 3 dan 4 dari kedua-dua fakulti berkenaan telah menjadi kumpulan perintis yang menghuni Kolej Kediaman Pelajar yang pertama di Kampus UMP Pekan. Dengan pembukaan kolej ke-5 ini, jumlah kolej kediaman telah meningkat daripada empat buah kepada lima buah dengan jumlah kapasiti 6,628 orang berbanding 6,239 orang pada tahun 2009.

### Kebajikan dan Pembiayaan Pelajar

#### Sumbangan Bantuan Kewangan Kepada Pelajar Miskin

Pada 18 Ogos 2010, seramai 18 orang pelajar telah menerima bantuan zakat dari Tabung Amanah Zakat. Setiap seorang pelajar menerima bantuan antara RM300 hingga RM500. Sumbangan ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang datang dari latar belakang keluarga yang susah atau adik beradik ramai, anak yatim dan keluarga hilang sumber pendapatan akibat hilang upaya bagi meringankan bebanan kewangan yang ditanggung mereka. Sumbangan dalam bentuk cek ini disampaikan oleh Canselor UMP, KDYTM Tengku Mahkota Pahang pada Majlis Berbuka Puasa yang diadakan di Dewan Astaka UMP.

#### Program Fitrah Amal

Bahagian Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar dengan kerjasama bahagian Kaunseling & Kerjaya telah menganjurkan Program Fitrah Amal pada 2 September 2010 bertempat di gedung membeli-belah Kamdar dan Butik Tradisional Melayu Kuantan. Tujuan program ini ialah untuk meraikan pelajar-pelajar Borneo yang tidak dapat pulang beraya di kampung disebabkan jarak perjalanan yang jauh dan tambang kapal terbang yang mahal. Seramai 13 orang pelajar telah menerima sumbangan RM200 bagi pakaian hari raya dan RM50 duit raya setiap seorang.



#### Dermaiswa Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni juga menerima dan mengagihkan wang dermaiswa yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat swasta. Seramai 200 orang pelajar yang kebanyakannya datang dari keluarga yang susah dan berpendapatan rendah telah dipilih untuk menerima wang dermaiswa tersebut. Pemilihan mereka dibuat berdasarkan cadangan dan sokongan pihak fakulti, penasihat akademik dan juga pegawai kaunseling mengikut kriteria yang tertentu. Setiap pelajar menerima bantuan sebanyak RM1,000 seorang.

#### Bantuan Zakat MUIP

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni juga telah diamanahkan oleh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) untuk mengagihkan bantuan zakat kepada para pelajar UMP yang layak menerima zakat. Pada tahun 2010, MUIP telah memperuntukkan sejumlah RM60,000 wang zakat kepada UMP. Bantuan zakat tersebut bertujuan untuk menampung sebahagian daripada yuran pengajian yang tertunggak, menampung kos sara hidup serta perbelanjaan peralatan pembelajaran pelajar-pelajar yang kurang upaya di UMP.

## Pembangunan Pelajar

### Expoconvo 2010

Dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pengurusan universiti, pihak pengurusan UMP telah menyerahkan urusan pengendalian Minggu Induksi Siwa (MINDS) dan Expoconvo sempena majlis konvokesyen universiti kepada para pelajar semenjak tahun 2009. Bagi tahun 2010, Expoconvo yang bertemakan '*Inspiration Through Intellectual Journey*' telah dilaksanakan oleh para pelajar selama lima hari mulai 6 hingga 10 Oktober 2010.

### Pengucapan Awam

Pasukan Debat UMP Kategori Bahasa Melayu Utama telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Debat DiRaja ke-14 2010 yang berlangsung dari 17 hingga 22 Disember 2010 di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Pasukan UMP yang diwakili oleh Mohd Jumain Mapplati, Muhammad Qusyairi Hashim, Siti Aisyah Mustapha dan Mohd Khairi Kamarudin menewaskan pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) di suku akhir sebelum tewas kepada pasukan UiTM di peringkat separuh akhir. Ini merupakan kali pertama pasukan debat UMP layak ke peringkat separuh akhir sepanjang penyertaan dalam Debat DiRaja yang menyaksikan penyertaan 76 pasukan bertanding.



### Kepimpinan

Kemahiran kepimpinan merupakan salah satu daripada lapan teras pembangunan pelajar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi memastikan para pelajar diberikan pendedahan dan latihan kepimpinan yang secukupnya pelbagai program pembangunan kepimpinan telah dilaksanakan melalui badan-badan pelajar. Antara program-program utama pembangunan kepimpinan yang telah dilaksanakan termasuklah Bengkel Pengurusan Kelab & Persatuan (B-Pro), Kursus Latihan Fasilitator MINDS (PROMINDS), Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama ke Jakarta, *Teambuilding, Leadership & Secretariat Training* dan Program Pembinaan Kepimpinan Mahasiswa 2010.

### Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama Ke Jakarta

Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar untuk membina hubungan yang baik, berinteraksi dengan orang lain di peringkat antarabangsa dan bekerja secara efektif bersama delegasi untuk mencapai objektif yang sama. Para peserta mendapat pengalaman yang baharu berinteraksi dengan masyarakat yang berlainan latar belakang dan budaya.

## Lawatan Antarabangsa

UMP menggalakan para pelajarnya meneroka peluang untuk meluaskan pandangan, memperkayakan pengetahuan dan menambah pengalaman antarabangsa mereka melalui program-program lawatan ke luar negara. Di sepanjang tahun 2010 beberapa program lawatan ke luar negara telah berjaya dilaksanakan di antaranya ialah Program Lawatan Akademik ke Jepun, penyertaan di SPMI Regional Symposium di Singapura, dan Lawatan Sambil belajar ke Singapura.



### Khidmat Masyarakat

Program khidmat masyarakat dan kesukarelawanan amat penting bagi para pelajar berlatih menyumbang kembali jasa bakti mereka kepada masyarakat di sekeliling mereka. Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawanan akan membantu mereka memahami kehidupan bermasyarakat dengan lebih baik dan membuka minda mereka untuk berfikir dan mencari jalan membantu meningkatkan lagi taraf kehidupan masyarakat di sekeliling mereka dengan pelbagai kaedah dan cara yang mereka sendiri usahakan. Dengan cara ini juga para pelajar dapat memasyarakatkan universiti dengan membawa masyarakat mengenali UMP dengan lebih dekat lagi.

Jadual 36: Senarai Program Kemasyarakatan Sepanjang Tahun 2010

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH	TEMPAT
1.	Program Ziarah Amal 1: Rumah Anak Yatim	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	27 Mac 2010	Penempatan Anak-Anak Yatim Nadwah - Permata Camar
2.	Kem Motivasi SMK Bukit Damar	Kelab Astronomi	3-4 April 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Damar
3.	Pelancaran Sekolah Angkat CHEST	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	5 April 2010	Dewan Abu Bakar As-Siddiq Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom
4.	Kem Pementapan Pengawas SMK Sultanah Hajjah Kalsom (SHAKS)	Persatuan Mahasiswa Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (CHEST)	9-11 April 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Hajjah Kalsom (SHAKS) & Pantai Balok
5.	Program Kilauan Mutiara '10 Siri 1 (PKM'10 Siri 1)	<i>IN-SMARTIVE</i>	30 April - 1 Mei 2010	Sekolah Kebangsaan Tanjung Batu
6.	Program Kembara Ilmu 2010	Pebimbing Rakan Siswa (PERSIS)	30 April - 2 Mei 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Mat Kilau, Kuantan
7.	Khidmat Siswa 6 (K-Siswa)	Electrical & Electronics Engineering Society (EEES)	7-9 Jun 2010	Sekolah Rendah Kebangsaan Indera Shahbandar, Kuala Pahang
8.	Program Kembara Hati (KEHATI) Siswa	Sekretariat Mahasiswa Anak-Anak Pahang (SEMAMPAN)	12-16 Jun 2010	Kampung Nyengtil, Pos Lanai, Lipis Pahang
10.	Projek Semaian Kasih 2010 Siri I (a)	<i>IN-SMARTIVE</i>	18-20 Jun 2010	Perkampungan Orang Asli Kampung Gadak
11.	Program Khidmat Komuniti	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	8 Julai 2010	Pantai Air Leleh, Pekan
12.	Program Kilauan Mutiara 2010 Siri 3	<i>IN-SMARTIVE</i>	23-25 Julai 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Hilir, Kuantan
13.	Program Kilauan Mutiara 2010 Siri 5	<i>IN-SMARTIVE</i>	7-8 Ogos 2010	Sekolah Kebangsaan Cenderawasih, Kuantan
14.	Program Pendedahan ICT & Teknologi Kepada Sekolaj Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai, Pekan	Persatuan Mahasiswa Teknologi Komputer (PETAKOM)	1 September 2010	Sekolah Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai, Pekan
15.	Projek Semaian Kasih 2010 Siri I (b)	<i>IN-SMARTIVE</i>	24-26 September 2010	Perkampungan Orang Asli Kampung Bukit Seruk
15.	Interaksi Siswa '10	Persatuan Mahasiswa Teknologi Komputer (PETAKOM)	24-26 September 2010	Sekolah Menengah Kebangsaan Lepar Gambang
16.	Program Bersama Masyarakat di Baitul Husna (MAHABBAH)'10	Persatuan Mahasiswa Kolej Kediaman 4 (PEKA 4)	25 September 2010	Masjid Lama Bukit Sekilau, Kuantan
17.	Homestay Desa Murni, Temerloh	Kelab Sains Kemanusiaan	1-3 Oktober 2010	Kampung Desa Murni, Temerloh



## Kebudayaan

UMP telah menyertai Pertandingan Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESTKUM) yang telah diadakan di Zon Utara pada 14 – 20 Disember 2010. Peserta UMP telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan tersebut bagi kategori Nyanyian Antarabangsa. Manakala pasukan Koir UMP pula telah diberikan penghormatan untuk membuat persembahan di Istana Abu Bakar Pekan sempena memulihkan hari keputeraan KDYMM Sultan Pahang yang ke-80 pada 24 Oktober 2010.

## Unit Kokurikulum Berkredit

Unit Kokurikulum berperanan untuk menyelaras kursus-kursus yang berkredit, mengurus dan membantu pelaksanaan aktiviti, mengurus peralatan kokurikulum, menilai kursus-kursus yang dijalankan dan merangka serta merancang kursus-kursus yang baharu. Setakat 2010 sebanyak 20 kursus telah ditawarkan dengan penambahan empat kursus baharu iaitu Palapes Laut, KOR SISPA, Anyaman dan Paintball.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PESERTA	TEMPAT
1.	Ekspedisi Kembara Berbasikal	3 April 2010	100 orang	UMP-Rompin
2.	Pengtauliahian KOR Suksis	6 - 29 Jun 2010	25 orang	Universiti Malaya
3.	Kejohanan Paintball UMP 2010	30 - 31 Oktober 2010	110 orang	Padang Kompleks Sukan
4.	Latihan Induksi Pegawai Kadet Palapes Laut UMP	1 – 11 Disember 2010	34 orang	PSTL Chendering Terengganu

Jadual 37: Senarai Program Yang Dianjurkan Sepanjang Tahun 2010



## Kaunseling Dan Kerjaya

### Program Pembinaan Kepimpinan Mahasiswa (PEMBINA) 2010

Bahagian Kaunseling dan Kerjaya buat kali pertama telah menganjurkan Program Pembinaan Kepimpinan (PEMBINA) pada 31 Julai hingga 1 Ogos 2010. Program ini disediakan khusus untuk pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat CGPA 3.5 dan ke atas. Seramai 40 orang pelajar telah di pilih untuk menghadiri program yang dikendalikan oleh Syarikat I-Square Training & Consultancy.

### Keusahawanan

Mohammad Norshim Juara Cabaran Catur Bestari Kebangsaan Kumpulan Gempak Team 1, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diketuai oleh Mohammad Norshim Mohammad Hashim, Nurizzudin Ahmad Hussain, Tuan Shahlan Tuan Safie, Abdullah Muhammad Nawidan dan Mohd Azizul Hafiz Abdul Sani telah memenangi Cabaran Catur Bestari Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Persada Johor pada 17 Januari 2010 yang lalu dengan mengumpulkan jumlah aset tertinggi dan sekaligus memecah rekod kejohanan sebelum ini.

Mereka membawa pulang wang tunai RM50,000.00, plak, sijil penyertaan, sijil pecah rekod, piala iringan dan piala pusingan. Manakala hadiah utama pula berupa sebuah kereta Proton Persona 1.6 telah dimenangi oleh Ketua Kumpulan Gempak Team 1 iaitu Muhammad Norshim Mohammad Hashim. Hadiah telah disampaikan oleh Pengerusi KFC, Tan Sri Muhammad Ali Hashim.

Program anjuran KFC dengan kerjasama Johor Corporation ini merupakan salah satu langkah bagi memupuk budaya pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan mahasiswa dalam melahirkan mahasiswa yang ingin menjadikan “Keusahawanan Sebagai Kerjaya Pilihan”



## Alumni

### **Pelancaran Alumni Bahagian Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli**

Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim telah merasmikan pelancaran Alumni Bahagian FKKSA pada Majlis Minum Petang di Hotel Istana Kuala Lumpur pada 13 November 2010. FKKSA merupakan fakulti pertama yang memulakan inisiatif penubuhan alumni bahagiannya di UMP.

### **Majlis Makan Malam Graduan Konvokesyen Ke-5 UMP**

Majlis makan malam bagi meraikan para graduan Konvokesyen Ke-5 telah diadakan di Bukit Gambang Resort City pada 9 Oktober 2010. Seramai 600 orang graduan telah menghadiri majlis yang diserikan dengan kehadiran Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Beliau turut melancarkan Portal Alumni UMP yang akan menjadi saluran perhubungan utama di antara UMP dan para alumninya. Portal yang memuatkan pelbagai maklumat dan pemakluman tentang universiti yang relevan kepada para alumni ini juga memaparkan maklumat mengenai peluang-peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka.

### **Alumni UMP Penerima Anugerah Nadi Negara**


Graduan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP), Emma Sofia Zulkifli telah terpilih menerima Anugerah Nadi Negara sempena Perhimpunan Agung UMNO 2010 yang berlangsung di PWTC, Kuala Lumpur pada 20 Oktober 2010. Kejayaan beliau adalah bertitik tolak dari penglibatan yang aktif semasa di kampus dan sentiasa terlibat dengan program-program kemasyarakatan. Selain Exco Majlis Perwakilan Pelajar MPP sesi 07/08, beliau turut terlibat dengan Misi Bantuan Banjir Sekitar Pahang pada 2007 dan 2008. Beliau juga merupakan Pengarah Program bagi pelbagai aktiviti di UMP serta terlibat dengan Kor SUKISIS. Beliau menerima wang tunai, trofi, sijil penyertaan dan hadiah iringan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Wanita UMNO pada majlis tersebut.

## Kebolehpasaran Graduan


Jadual 38: Data Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010.

BIL.		STATUS GRADUAN				JUMLAH
		BEKERJA	MELANJUTKAN PELAJARAN	TIDAK BEKERJA	MENINGGAL DUNIA	
1.	KONVOKESYEN PERTAMA	277	82	5	0	364
2.	KONVOKESYEN KE-2	518	177	27	0	722
3.	KONVOKESYEN KE-3 (SIDANG 1)	417	121	42	2	582
4.	KONVOKESYEN KE-3 (SIDANG 2)	198	43	69	0	310
5.	KONVOKESYEN KE-4	557	177	100	0	834
6.	KONVOKESYEN KE-5	687	138	205	0	1,030
JUMLAH GRADUAN KESELURUHAN		2,654	738	448	2	3,842

Carta 30: Statistik Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama Hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010



Carta 31: Peratusan Kebolehpasaran Graduan UMP Bermula Konvokesyen Pertama Hingga Ke-5 Bagi Tahun 2010



## Aktiviti Pelajar

### Kepimpinan



Program Fasilitator Minggu Induksi Siswa 2010 (PROMINDS 10)



Program Eksplorasi Pemimpin Minda Kelas Pertama Ke Jakarta



Kembara Ilmu ke Institut Pertanian Bogor



'Mahasiswa Prihatin' (Kesehatan & Khidmat Komuniti di Kampung. Jati Nangor)



Lawatan Antarabangsa



Beijing Education Smart Tour di Beijing, China



Daya Inovasi dan Kreatif



Keusahawanan



Khidmat Masyarakat



Kebudayaan



Lawatan Industri

**Perumahan Dan Kemudahan Pelajar**

Ruang perbincangan pelajar



Naiktaraf kedai runcit



Kediaman pelajar di Kampus Pekan



Bilik Tayangan



Bilik Aktiviti Persatuan



Gelanggang Bola Jaring



Gelanggang Futsal

Kemudahan *indoor games*

### Pelancaran Pusat Sukan Tumpuan Bola Keranjang

UMP telah berjaya melancarkan Pusat Sukan Tumpuan (PST) Bola Keranjang pada 10 Oktober 2010 bertempat di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Pelancaran Pusat Sukan Tumpuan (PST) ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia selaku Penaung program ini. Majlis Pelancaran PST Bola Keranjang ini juga telah disaksikan oleh hampir 700 orang pemain Bola Keranjang dari seluruh pelosok tanah air.

UMP telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) sebagai PST Bola Keranjang Malaysia bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (IPT). Fungsi PST adalah sebagai Pusat Pembangunan Sukan Bola Keranjang di Malaysia dari peringkat akar umbi sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 30 peratus atlet negara adalah dari IPT dan melahirkan *The Thinking Athlete(S)*. Pusat Sukan Tumpuan ini juga akan menjadi Pusat Rujukan bagi pembangunan sukan Bola Keranjang di tanah air.

Hala tuju pembangunan sukan adalah mengikut perancangan yang telah dirancang hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA).



### Pusat Sukan Tumpuan : Karnival Bola Keranjang 3 On 3 2010

Karnival Bola Keranjang 3 on 3 Piala Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 8 hingga 11 Oktober 2010 bertempat di Stadium Tertutup SUKPA Indera Mahkota, Kuantan. Karnival ini melibatkan dua kategori iaitu Kategori IPT dan Kategori Sekolah Menengah. Kejohanan kali ini menyaksikan sebanyak 113 pasukan IPT dan 20 buah sekolah menengah telah mengambil bahagian. Bag peringkat IPT, pasukan dari Universiti Malaya (UM) A telah dinobatkan juara bagi kategori lelaki dengan menewaskan saingan sengit Universiti Putra Malaysia (UPM) A manakala bagi kategori wanita dijuarai oleh pasukan Universiti Sains Malaysia (USM) A setelah menundukkan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) D.

Peringkat Sekolah Menengah kategori lelaki pula diungguli pasukan dari Majlis Sukan Sekolah Kelantan (MSSK) yang berjaya menewaskan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih Kuantan dan bagi kategori wanita dimenangi oleh pasukan Sekolah Menengah Kebangsaan Air Putih (A).

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim. Johan bagi kategori IPT telah menerima wang tunai RM2,000.00, piala pusingan, piala iringan, barangan produk Nestle, medal dan sijil. Manakala bagi kategori Sekolah Menengah hadiah berupa wang tunai sebanyak RM1,000.00, piala pusingan, piala iringan, barangan produk Nestle, medal dan sijil.

### UMP Menang Pingat Gangsa di Malakoff University Duathlon Series 2010

UMP telah menghantar penyertaan pelajar bagi menyertai Malakoff University Duathlon Series yang telah diadakan di tiga buah universiti iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 24 Julai 2010, Universiti Malaya (UM) pada 31 Julai 2010 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 7 Ogos 2010. UMP telah menghantar empat pasukan bagi kategori *Men Relay*. Pada Siri I di UPNM, pasukan UMP meraih kedudukan 10 terbaik manakala pada siri ke-II di UM, pasukan *UMP Bikes On Bikes Underdog* telah menunjukkan prestasi yang amat baik dan seterusnya memenangi pingat gangsa dalam kategori tersebut.

### UMP Raih 1 Emas dan 1 Perak di Kejohanan Perak *Salomon Suunto 12h Night Rogaining Navigation 2010*

Pada 27 hingga 28 November 2010, UMP telah menghantar seramai 18 orang pelajar untuk menyertai kejohanan ini. Ini merupakan kali kedua penganjurannya di Malaysia setelah kejohanan pertama berjaya dianjurkan di Taiping Perak tahun lalu dan ianya telah berjaya disenaraikan di dalam *Malaysia Book of Records* sebagai *First Rogaining Event in Malaysia*. Pasukan UMP telah mengungguli bagi kategori Lelaki Terbuka dalam kejohanan tersebut:

PASUKAN	CATATAN MASA	MATA	KEDUDUKAN
UMP Kuda Belang	10:47 pm	30	Johan
UMP <i>Elite Team</i>	10:47 pm	28	Naib Johan
PSIS A	10:29 pm	22	Ketiga
UMP Paling Ganas	10:49 pm	21	Keempat
UMP Centella	10:49 pm	21	Kelima

### Rakan Muda GACC *International Inter Varsity Chess 2010*

Pusat Sukan UMP telah menghantar penyertaan pemain Catur ke Kejohanan Rakan Muda GACC *International Inter Varsity Chess 2010* yang telah diadakan di Universiti Malaya (UM) pada 14 hingga 21 Disember 2010. Kejohanan ini melibatkan penyertaan peserta dari dalam dan luar negara. Pada kejohanan ini atlet UMP telah menunjukkan prestasi yang baik apabila berjaya menduduki tempat ketiga di peringkat Malaysia dan tempat kesembilan di peringkat antarabangsa. Berikut adalah pencapaian terbaik pemain UMP:

PESERTA	PERINGKAT
Zarul Shazwan Zulkafli	Malaysia : Tempat ke-1 Antarabangsa : Tempat ke-12
Ayu Annur Fetrah	Malaysia : Tempat ke-2 Antarabangsa : Tempat ke-14

### UMP Menang 4 Pingat Emas Di Kejohanan 3rd MTUN Sport Meet 2010, UTHM

UMP telah menyertai Kejohanan 3rd MTUN Sport Meet 2010 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 24 hingga 26 Disember 2010. Kejohanan ini melibatkan empat buah universiti teknikal iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan UMP yang melibatkan kategori staf dan pelajar. Pada kejohanan kali ke-3 ini, UMP menghantar sebanyak empat pasukan iaitu Futsal (L) pelajar, Futsal (L) staf, Bola Tampar (L) pelajar dan Bola Tampar (W) pelajar. Pasukan UMP telah menjuarai ke semua acara yang disertai.

### Pasukan Futsal UMP Antara 16 Terbaik Di kalangan IPT Malaysia

Setelah mengharungi sirkit yang dipecahkan kepada zon-zon dalam Kejohanan Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010, Pasukan UMP telah menempatkan diri di kalangan 16 pasukan terbaik di antara IPT Malaysia dan beraksi di Grand Finale. Kejohanan Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi 2010 – Grand Finale 2010 telah diadakan di Kompleks Sukan Lelaki, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 27 hingga 30 Disember 2010 dan telah dijuarai oleh pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM).



### UMP Menang 1 Pingat Emas Dan 1 Pingat Perak Di Kejohanan Varsity Boat Race 2010

Pusat Sukan UMP telah menghantar penyertaan pelajar menyertai Kejohanan *Varsity Boat Race 2010* yang telah berlangsung pada 4 hingga 10 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Sukan Air, Putrajaya. Atlet UMP telah berjaya memenangi pingat emas dalam acara *Men Touring Kayak Single (MTK1)* 500m yang disumbangkan oleh Ahmad Saifuddin Jamaluddin. Manakala pingat gangsa telah disumbangkan oleh Myrza Fasha Md Hamyudin dan Nor Azni Abdul Latif dalam acara *Women Touring Kayak Double (WTK2)* 1000m.

### Pasukan Kriket UMP Ke-2 Terbaik Di Pahang

Pasukan Kriket UMP yang dibarisi oleh pelajar tempatan dan antarabangsa menduduki tempat kedua dalam Kejohanan Liga Kriket Negeri Pahang 2010 yang disertai oleh seluruh kelab di negeri Pahang. Kejohanan diadakan selama tiga minggu di Padang Kriket Kemunting, Kuantan pada 26 Jun hingga 10 Julai 2010.



### Hoki Dewan Diperkenalkan di UMP

Sukan Hoki Dewan merupakan antara sukan baharu yang dipertandingkan di peringkat MASUM dan kebangsaan dan Pusat Sukan UMP mengambil inisiatif untuk memperkenalkan dan membangunkan Sukan Hoki Dewan di UMP. Bagi menggalakkan penglibatan pelajar UMP, sebanyak dua kejohanan telah disertai bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar iaitu Kejohanan Hoki Dewan MASUM 2010 pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2010 dan Kejohanan Hoki Dewan Terbuka UPSI pada 22 hingga 24 Oktober 2010 di Gelanggang Serbaguna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.



### 10 Pelajar UMP Beraksi di Kejohanan Tae Kwan Do Terbuka UKM 2010

Kejohanan Tae Kwan Do Terbuka Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2010 telah diadakan pada 24 hingga 26 September 2010 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM. Kejohanan ini merupakan antara kejohanan tahunan yang disertai oleh pasukan Tae kwan do UMP. Pada kejohanan tersebut seramai sepuluh orang pelajar UMP yang terdiri daripada tujuh orang lelaki dan tiga orang wanita telah menyertainya dan telah memenangi satu pingat perak dan satu pingat gangsa.





### FKM Juara Sukfac Edisi Pertama

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) telah menjuarai Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SukFAC) UMP, 2010 Edisi Pertama yang diadakan pada 2 hingga 24 Oktober 2010 bertempat di Kompleks Sukan UMP. Kejohanan ini telah disertai oleh tujuh fakulti di UMP dan sebanyak sembilan sukan dipertandingan yang melibatkan 16 acara terdiri daripada Bola Jaring, Badminton (L&W), Tenpin Boling – Individu dan Berpasukan (L&W), Bola Sepak 9's, Bola Tampar (L&W), Bola Baling (L&W), Sepak Takraw, Catur (L&W) dan Ping Pong (L). FKM telah menjuarai enam daripada 16 acara yang dipertandingkan dan secara rasminya menjuarai kejohanan pada tahun 2010. Berikut adalah kedudukan pasukan dalam kejohanan tersebut:

Johan	-	FKM	(72 mata)
Ke-2	-	FKEE	(65 mata)
Ke-3	-	FKASA	(33 mata)
Ke-4	-	FSKPP	(24 mata)
Ke-5	-	FKPPT	(19 mata)
Ke-6	-	FKKSA	(13 mata)
Ke-7	-	FIST	(10 mata)

### Pasukan Karate-Do UMP Cemerlang Dalam Penyertaan Pertama

Sukan Karate-Do antara sukan baharu yang diperkenalkan di UMP. Semenjak pembentukan pasukan Karate-Do pada tahun 2009, Kejohanan Karate-Do Terbuka UIAM merupakan kejohanan jemputan pertama yang disertai oleh pasukan UMP. Kejohanan tersebut telah diadakan pada 1 hingga 3 Oktober 2010 bertempat Kompleks Sukan Wanita, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan disertai oleh pelajar UMP yang terdiri daripada lima orang lelaki dan seorang wanita telah memenangi tiga perak dan tujuh gangsa. Antara penyumbang pingat perak adalah Maniyarasan A/L Sabapathy dan Darinie Awang Mohdar bagi acara Kumite serta Mohd Asraff Razali bagi acara Kata.



### UMP Juara Kejohanan Catur Rapid Master Remaja Kuantan Kali Ke-3, 2010


Pasukan Catur UMP telah menjuarai Kategori Lelaki dan Wanita dalam Kejohanan Catur Rapid Master Remaja Kuantan Kali Ke-3 2010 yang telah diadakan pada 8 Ogos 2010 bertempat di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Kuantan. Kejohanan ini merupakan pendedahan kepada atlet catur UMP bagi menghadapi kejohanan MASUM akan datang. Pemenang bagi Kategori Lelaki adalah Muhd Qhaider Zulkafli dan Kategori Wanita adalah Siti Ros Aishah Rosli.



TEKNOLOGI MAKLUMAT  
& KOMUNIKASI



## TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



### Urusan Surat Menyurat Universiti Lebih Efektif Dengan e-LETTERS

*e-Letters* ialah satu inisiatif melalui Jawatankuasa Sistem UMP yang telah dilancarkan di peringkat universiti pada bulan Februari 2010. Ia adalah satu sistem pengurusan surat menyurat dan dokumen yang menyeluruh. Sistem yang pada permulaannya diguna pakai di Pejabat Naib Canselor kini telah diintegrasikan kepada seluruh jabatan bagi melancarkan proses urusan dokumentasi universiti.

Selaras dengan perkembangan jabatan yang pesat di universiti, sistem ini dapat menjamin proses edaran yang lebih pantas, pemantauan yang sistematik berdasarkan tanda aras tempoh masa bagi tindakan yang perlu diambil dan

capaian pantas kepada sistem penfailan jabatan adalah antara faktor kritikal kepada pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Justeru, matlamat organisasi yang menggariskan sasaran di mana capaian kepada dokumen jabatan adalah di bawah tempoh masa kurang dari lima minit, dapat direalisasikan dengan penggunaan teknologi terkini. Antara kebaikan lain yang dapat diperoleh adalah memastikan dokumen-dokumen lama tidak lusuh dan mengelakkan kehilangan dokumen yang disimpan secara fizikal dalam tempoh masa yang lama.

Sistem yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang mematuhi peraturan urusan dokumentasi juga hanya memberi akses kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi memastikan kerahsiaan maklumat terjaga.

# 1UMP

PERHUBUNGAN INTER KAMPUS MELALUI  
**METRO-E LINE**  
DENGAN KELAJUAN (BANDWIDTH) 40MBPS



## Projek Metro E dan Hotzone Merealisasikan 1 UMP

Penggunaan aplikasi ICT telah dikenal pasti oleh kerajaan sebagai antara pengupaya utama (*key enabler*) kepada usaha-usaha Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan cepak di dalam sesebuah institusi.


Pelaksanaan projek Hotzone atau *wireless campus* oleh pihak Telekom dan projek menghubungkan dua Kampus UMP iaitu Gambang dan Pekan menjadi 1 UMP dilihat menjadi faktor penjimatan kos logistik, pengangkutan, komunikasi dan mengurangkan masa operasi serta mengurus bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan.

Pelaksanaan *wireless campus* ini juga mengambil inisiatif daripada Pelan Strategik UMP 2008-2010 di mana ianya memberikan pilihan dan kemudahan yang lebih baik kepada para pelajar dan staf selain kemudahan rangkaian berwayar di ruangan kerja dan asrama pelajar.

Kemudahan Internet dan Intranet universiti di antara dua kampus UMP menjadi lebih murah dan pantas dengan pelaksanaan projek Metro E terutama bagi meningkatkan kecekapan urus tadbir universiti. Operasi universiti seperti program Minggu Induksi Siswa (MINDS), Pilihan Raya Kampus (*E-Votting System*) dan Proses Pendaftaran Pelajar dapat dibuat secara serentak dalam satu

masa di dua kampus yang berlainan. Ini membolehkan urusan pentadbiran universiti dapat dijalankan dengan cepak dan berkesan walaupun dengan jarak 60 km di antara Kampus Gambang dan Pekan.

Bagi memudahkan perhubungan dan telekomunikasi dapat berjalan tanpa gangguan di antara dua buah kampus yang berlainan, projek Metro E berjaya menyokong universiti melalui kos panggilan telefon yang murah, urusan faksimili dan menyokong majlis-majlis universiti dengan kemudahan *video ceonference*.



### Projek Migrasi 9i Ke 11g R2 Meningkatkan Keupayaan Pangkalan Data Universiti

Permintaan kepada aspek IT yang seiring teknologi masa kini amat mendesak bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran universiti beroperasi dengan cekap dan berkesan. Justeru, pihak universiti secara rasminya melaksanakan projek yang merangkumi skop naik taraf pangkalan data Oracle dari versi 9i kepada versi 11g *Released 2*, penyediaan *Real Application Cluster (RAC)* dan penyediaan server bagi tujuan disaster recovery menggunakan *Oracle Data Guard*.

Projek menaiktaraf perkakasan, pangkalan data *Oracle* dan sistem aplikasi universiti yang telah bermula sejak tahun 2007 ini melibatkan tiga

aktiviti utama iaitu menaik taraf struktur maklumat, menaik taraf pangkalan data *Oracle* dan menaik taraf sistem aplikasi universiti.

Antara impak kepada pelaksanaan projek ini adalah peningkatan kepantasan capaian pihak luar terhadap maklumat universiti melalui laman sesawang, mengoptimalkan kadar keupayaan sistem aplikasi universiti dan kadar peratusan uptime kepada sistem infrastruktur maklumat dan sistem aplikasi UMP meningkat kepada 99.99 peratus.

Terdapat lebih sejumlah 200 sistem aplikasi yang telah dibangunkan di

universiti untuk menyokong pengurusan dan pentadbiran yang lebih cekap. D daripada manfaat projek ini kadar keupayaan sistem-sistem seperti di bawah dapat dipertingkatkan dan memberikan kemudahan proses kerja dan capaian maklumat di jabatan semudah di hujung jari mereka.

- *E-Community Staff*
- *E-Community Pelajar*
- *Integrated Management System Financial System*
- *Integrated Management System Human Resource System*
- *Integrated Management Academic*
- *Integrated Management Student*